

BB474

R AAB
MAHATHIR - DEMOKRASI

JITRA, 25 JULAI (BERNAMA) -- DEMOKRASI TIDAK SEHARUSNYA DIJADIKAN ALASAN UNTUK RAKYAT BERDEMONSTRASI, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI.

BELIAU BERKATA TERDAPAT SEGOLONGAN RAKYAT DI NEGARA INI YANG BERDEMONSTRASI KERANA KONONNYA MEREKA BERHAK BERBUAT DEMIKIAN DI BAWAH SISTEM DEMOKRASI.

DEMONSTRASI MEMBAWA KEPADA TERCETUSNYA RUSUHAN DI SESETENGAH NEGARA HINGGA MENYEBABKAN KESTABILAN NEGARA TERSEBUT TERANCAM, KATA PERDANA MENTERI KETIKA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 1,500 ORANG GURU DARI SELURUH DAERAH KUBANG PASU PADA PERJUMPAAN HARI RAYA AIDILADHA DI SEKOLAH MENENGAH JITRA, DI SINI.

BELIAU BERKATA DEMOKRASI BUKANNYA MEMBERIKAN HAK KEBEBASAN KEPADA INDIVIDU TETAPI ADALAH UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT.

MENURUT BELIAU, DI BARAT MISALNYA, TERDAPAT ORANG YANG MENTAFSIRKAN DEMOKRASI SEBAGAI KEBEBASAN INDIVIDU SEHINGGAKAN MEREKA BEBAS BERBOGEL DI KHALAYAK RAMAI KONONNYA KERANA IA ADALAH HAK MEREKA. -- LAGI

2003MST 25 07 88

BB495

R AAB
MAHATHIR - DEMOKRASI 2 JITRA

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAH KATA, PEMILIHAN PEMIMPIN YANG DIJALANKAN BERDASARKAN SISTEM DEMOKRASI JUGA TIDAK SEMESTINYA BERJAYA JIKA TERDAPAT TERLALU BANYAK PARTI POLITIK DALAM NEGARA BERKENAAN.

+KERAJAAN CAMPURAN YANG LEMAH SELALUNYA DIUGUT ATAU DIGANGGU OLEH WAKIL-WAKIL RAKYAT DENGAN MENARIK DIRI. APABILA WAKIL RAKYAT MENARIK DIRI DAN KALAU PUN MENANG, KERAJAAN MINORITI ADALAH KERAJAAN YANG LEMAH,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SISTEM DUA PARTI SEPERTI YANG DIAMALKAN OLEH AMERIKA SYARIKAT JUGA MEMPUYAI KELEMAHAN KERANA KERAJAAN SENTIASA BIMBANG WAKIL-WAKIL RAKYAT DARIPADA PARTI KERAJAAN AKAN BERPINDAH MEMIHAK KEPADA PEMBANGKANG.

+KERAJAAN SEPERTI ITU (YANG LEMAH) SENTIASA TAKUT UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN TIDAK POPULAR,+ TAMBAH BELIAU.

BELIAU BERKATA SUASANA POLITIK DI MALAYSIA PADA MASA INI MASIH STABIL KERANA KEBANYAKAN RAKYAT MEMILIH HANYA SATU PARTI IAITU BARISAN NASIONAL (BN) YANG MENGANDUNGI 13 PARTI KOMPONEN. -- LAGI

2007MST 25 07 88

R AAB
MAHATHIR - DEMOKRASI 3 JITRA

KATANYA, UMNO YANG KUAT BERJAYA DAN BERSATU SERTA MENJADI TULANG BELAKANG BN DAPAT MEMENTUKAN BN TIDAK BERPECAH.

+PENARIKAN DIRI MANA-MANA PARTI POLITIK ANGGOTA BN JUGA TIDAK AKAN MENYEBABKAN BN BERPECAH,+ TAMBAH BELIAU.

ISTERI PERDANA MENTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHD ALI DAN PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI, ENCIK HASHIM MYDIN, TURUT MENGHADIRI PERJUMPAAN ITU. -- BERNAMA

2004MST 25 07 88